

aab

Ghafar-jawatan (EMBARGO: untuk siaran selepas pukul 10.30 malam, 23 Nov)
 GMAPAR MAHU MAHATHIR TERUS BERKHIDMAT

KUALA LUMPUR, 23 Nov (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Encik Ghafar Baba berkata hari ini beliau berharap Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan terus menerajui Umno dan memimpin negara huat seberapa lama yang boleh.

+Saya mendoakan beliau sihat, panjang umur dan meneruskan kerja-kerja dia. Selagi beliau mahu meneruskan kerja yang baik ini, saya akan memberikan sokongan dengan tidak menghiraukan kedudukan saya, + kata Ghafar yang juga Timbalan Presiden Umno.

+Saya suka dia memegang jawatannya sekarang seberapa lama yang dia mahu, + katanya ketika ditemuramah dalam rancangan Wawancara RTM malam ini.

Ghafar berkata usia tidak menjadi faktor kerana dalam politik apa yang dikehendaki ialah pengalaman.

Beliau ditanya mengenai kemungkinan faktor umur beliau dan Dr Mahathir, yang sama-sama akan menjangkau 68 tahun menjelang pemilihan Umno tahun depan dan melampaui 70 pada pemilihan berikutnya, yang telah menyemarakkan spekulasi perebutan jawatan dan pelbagai percaturan politik dalam Umno sekarang. -- lagi

▼23/11/14-27MST

CNS8631

U G R 23-11 00111 AB451

aab

Ghafar-jawatan 2 Kuala Lumpur (embargo)

Ghafar berkata perkara itu tidak sepatutnya timbul kerana tidak ada undang-undang yang menyekat seseorang itu terus bergiat dalam politik apabila mencapai umur tertentu.

+Politik berkehendakkan pengalaman supaya jangan berulang lagi kesilapan-kesilapan yang 3.A.J.U. Satu kesilapan kita buat (akan) merugikan negara, + katanya.

Mengenni dirinya, Ghafar berkata beliau akan terus memegang jawatannya sekarang dalam Umno dan kerajaan selagi khidmatnya diperlukan.

Katanya beliau dengan segala suka hati akan mengundurkan diri jika khidmatnya tidak lagi diperlukan oleh Perdana Menteri atau parti.

Ghafar berkata beliau akan terus memberi sokongan kepada Dr Mahathir tanpa menghiraukan kedudukannya sendiri. -- lagi

▼23/11/14-28MST

CNS8632

U GB 23-11 00157 A.8452

aab

Ghafar-jawatan 3 Kuala Lumpur (embargo)

Beliau telah ditanya mengenai tekanan yang mungkin dihadapinya supaya mengundurkan diri menjelang pemilihan pucuk pimpinan Umno tahun depan.

+Bagi pihak diri saya, sayapun tak faham apakah tekanan yang akan dikenakan kepada saya. Bagi saya senang sahaja, apa keputusan parti (perhimpunan agung), itulah yang saya ikut, + kata beliau.

Mengenai kedudukan beliau yang masih dipertikaikan oleh sesetengah pihak sebagai pengganti Dr Mahathir walaupun sudah enam tahun menjadi Timbalan Perdana Menteri, Ghafar berkata perjuangannya bukan ke arah men jadi Perdana Menteri.

+Kalau saya bercadang hendak jadi Perdana Menteri, buat apa saya berhenti (daripada Kabinet) pada 1976 dulu. Bukannya senang nak masuk balik Kabinet bila dah berhenti jadi Menteri, + kata beliau.

Ghafar berkata beliau mengambil keputusan untuk kembali ke dalam kerajaan apabila (bekas Timbalan Perdana Menteri) Datuk Musa Hitam tiba-tiba meletakkan jawatan dan bila Dr Mahathir meminta saya tolong dia, saya balik. + -- lagi

▼23/11/14-29MST

aab

Ghafar-jawatan 4 Kuala Lumpur (embargo)

Beliau bersetuju dengan kenyataan Dr Mahathir bahawa sesiapa yang mengambil alih pucuk pimpinan kelak hendaklah meneruskan perjuangan untuk menjadikan Malaysia sebuah negara maju menjelang tahun 2020 atau lebih cepat lagi.

Xatanya, jika pemimpin itu tidak berjaya menunaikan tanggungjawabnya, dia akan dipaksa turun melalui proses biasa politik seperti keputusan perhimpunan agung, pemilihan parti setiap tiga tahun sekali dan juga pilihan raya umum.

Mengenai kemungkinan pemilihan Umno tahun depan menyebabkan perpecahan parti seperti pada 3.987, Ghafar berkata keadaan itu tidak akan berulang kerana jawatan presiden tidak akan dipertandingkan dan Dr Mahathir akan dipilih semula dengan sokongan penuh anggota Umno.

+Sebab itu saya yakin parti tidak akan berpecah dalam pemilihan 1993 kerana jawatan presiden tidak ada pertandingan.+

Beliau juga yakin pertandingan bagi merebut jawatan lain walaupun sengit sekalipun, tidak akan membawa kepada perpecahan parti.-- lagi

▼23/11/14-30MST

CNS8635

UGB 23-11 00103 AB454

aab

Ghafar-jawatan 5 Kuala Lumpur (embargo)

Ketika diminta mengulas sama ada +status quo+ yang ada sekarang patut dikekalkan bagi jawatan presiden dan timbalan., beliau berkata :+Kalau saya bersetuju dengan pandangan itu, seolah-olah saya tidak mahu jawatan saya ini dipertandingkan.

+Saya menghormati perlembagaan parti dan juga kehendak anggota Umno sendiri. Kalau mereka ingin menukar pemimpin, termasuk saya sendiri, itu terpulang kepada mereka.+

Menyentuh mengenai kecenderungan berpuak-puak menjelang pemilihan parti, beliau berkata kedua-dua pi hak, pemimpin dan anggota, sama-sama bertanggungjawab mengetepikan sikap itu dan sebaliknya menumpukan sepenuh tenaga ke arah membangunkan ekonomi orang Melayu.-- lagi

▼23/11/14-30MST

CNS8637

UGB 23-11 00129 hB455

aab

Ghafar-jawatan 6 Kuala Lumpur (embargo)

Ghafar berharap beliau tidak akan dibabitkan dengan mana-mana puak jika keadaan itu terus berlaku.

+Saya memang dari dulu bersikap begitu. Masuk parti tidak ada berniat untuk memegang apa-apa jawatan, sama ada dalam Umno atau kerajaan. Saya cuma hendak bekerja menyumbangkan tenaga menunaikan tanggungjawab sebagai seorang rakyat,+katanya.

Rerkaitan isu surat layang, yang menjadi tumpuan sebahagian besar perwakilan pada perhimpunan agung lepas, Ghafar yakin surat seumpama itu tidak boleh mempengaruhi pemikiran anggota Umno yang kini lebih matang.

Beliau mahu anggota Umno menumpukan sepenuh tenaga memilih pemimpin yang mereka fikirkan layak untuk mengendalikan parti dan negara serta menasihatkan penulis surat tersebut supaya memberhentikan perbuatan yang bukan sahaja membuang masa tetapi juga wang.-- lagi

▼23/11/14-31MST

CNS8638

U GB 23-11 00111. AB456

aab

Ghafar-jawatan 7 Kuala Lumpur (embargo)

Ghafar juga tidak mahu politik wang muncul dalam Umno dengan adanya usahawan dan ahli perniagaan dalam parti.

Katanya Umno memang berhasrat mewujudkan seberapa ramai usahawan bumiputera yang telah berjaya tetapi janganlah ini membawa pula kepada politik wang.

Menyentuh usaha untuk mewujudkan masyarakat perniagaan dan perindustrian Bumiputera, Ghafar berkata kerajaan masih belum herpuashati dengan pencapaian sekarang kerana pemilikan individu masih kecil sedangkan sebahagian besarnya dipegang oleh kerajaan.

Xatanya, usaha itu akan diteruskan walau apa cara sekalipun kerana kita tidak boleh melihat satu kaum begitu majudi Malaysia dan satu kaum (lagi) begitu mundur. -- Bernama

▼23/11/14-31MST